

Sistemik

Lupus

Eritematosus

atau Lupus merupakan penyakit kronik yang berlaku akibat kecelaruan sistem pertahanan tubuh (autoimmune disease).

Sistem pertahanan tubuh merangkumi rangkaian sel dan organ yang melindungi tubuh daripada serangan benda asing. Sistem pertahanan tubuh akan menghasilkan antibodi apabila ia mengesan organisma yang masuk ke dalam tubuh. Antibodi ini bertindak mempertahankan tubuh daripada serangan jangkitan organisma berkenaan.

Bagi seorang pesakit SLE, antibodi yang terhasil (auto antibodi) akan menyerang sel-sel tubuh. Ini akan mengakibatkan gejala-gejala yang berbeza.